



**KENYATAAN RASMI**  
**21 April 2022**

**PR1MA Memperkasakan Agenda Malaysia Berdaya Huni Melalui  
Skim PR1MA Rent-To-Own**

*Sebahagian daripada inisiatif i-Biaya yang disasarkan untuk meningkatkan pemilikan rumah  
dalam kalangan generasi muda*

KUALA LUMPUR, 21 April 2022 – Dalam usaha meningkatkan pemilikan rumah dan memperkasa agenda Malaysia Berdaya Huni dalam kalangan Keluarga Malaysia terutamanya generasi muda, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dengan kerjasama institusi kewangan, Malayan Banking Berhad (Maybank) telah membuka peluang kepada rakyat golongan berpendapatan pertengahan (M40) untuk memiliki rumah idaman melalui skim pemilikan perumahan secara mampu milik, Skim PR1MA Rent-to-Own (RTO).

Skim ini telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz minggu lalu semasa pelancaran i-Biaya.

Sebanyak 29 buah residensi PR1MA dengan lebih 1,000 unit ditawarkan melalui Skim PR1MA RTO. Skim ini menawarkan pelbagai faedah kepada bakal pembeli termasuk kos kemasukan rendah, kos bulanan yang rendah untuk lima tahun pertama, serta harga rumah yang terkawal dan mampu milik.

Pengerusi PR1MA, Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, "Selari dengan aspirasi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik, PR1MA akan terus mendukung usaha baik Kerajaan dalam membantu Keluarga Malaysia memiliki rumah pertama idaman mereka. Kami percaya bahawa Skim PR1MA RTO ini dapat membantu ramai anak muda yang masih belum layak untuk mengambil pinjaman perumahan biasa bagi memiliki rumah pertama mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Datuk Seri Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata, "Kami amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan institusi kewangan terbesar di Malaysia, Maybank dalam menunaikan impian rakyat Malaysia memiliki rumah pertama mereka." katanya.



“Antara kebaikan Skim RTO ini ialah para pembeli hanya perlu membayar RM1,500 untuk deposit harga kediaman yang bernilai RM250,000. Jika dibandingkan dengan pembelian rumah secara konvesional, bayaran permulaan atau deposit yang harus dikeluarkan oleh pembeli ialah 10% daripada harga rumah atau RM25,000,” tambahnya.

Selain itu, PR1MA juga telah memperkenalkan sebuah program yang dikenali sebagai Program IQRA iaitu kelas bacaan Al-Quran untuk komuniti residensi PR1MA, para kakitangan PR1MA serta ahli keluarga mereka. Sebagai permulaan, program yang memperuntukkan hampir RM756,000 ini menasarkan seramai 780 orang peserta daripada komuniti residensi PR1MA di 12 lokasi terpilih di seluruh negara dan 65 peserta yang terdiri daripada kakitangan ibu pejabat PR1MA serta ahli keluarga mereka.

Antara objektif program IQRA ini adalah untuk mendekatkan masyarakat kepada Al-Quran, mengenali Al-Quran melalui platform pendidikan dengan ekosistem yang strategik dan kaedah yang berkesan, membantu masyarakat menghayati dan mengaplikasi Al-Quran sebagai sumber rujukan dalam amalan sehari-hari.

Program yang berlangsung selama 12 bulan ini terdiri daripada tiga kelas iaitu Kelas Celik Al-Quran untuk kanak-kanak yang sukar membaca dengan lancar dan tidak mengenal huruf, Kelas Ha-Fa Al-Quran untuk pelajar sekolah rendah yang boleh membaca dan minat untuk menghafal serta Kelas Tahsin dan Tadabbur Al-Quran untuk golongan dewasa yang ingin memperbaiki bacaan dan memahami maksud ayat-ayat Al-Quran.

Tambahan lagi, PR1MA juga akan memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi meneroka penubuhan PR1MA Chair.

Antara tujuan MoU ini ialah untuk menyelaraskan inisiatif pengajian lanjutan kakitangan PR1MA dalam program ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan kedoktoran UIAM, menggalakkan penyelidikan dan kajian khusus dalam bidang yang akan memberi manfaat kepada perkembangan program PR1MA, serta kerjasama dalam penerbitan dan penganjuran program akademik.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-